

A Lengkapkan tempat-tempat kosong dalam petikan yang berikut dengan peribahasa yang sesuai.

Setelah sekian lama berkahwin, akhirnya Azman dan Juridah dikurniakan (1) _____.
 lelaki. Mereka sangat gembira dan memberikan sepenuh kasih sayang kepada anak mereka itu seperti
 (2) _____. Namun begitu, kasih sayang yang melimpah ruah daripada ibu bapanya bukan sahaja
 tidak dihargai oleh Rizuan, malahan dibalas dengan perbuatan jahat seperti (3) _____. Ibu
 bapanya sangat malu akan perbuatan Rizuan kerana (4) _____. Pelbagai nasihat telah diberikan
 tetapi langsung tidak diendahkan oleh Rizuan yang bersikap seperti (5) _____. Dia memang
 (6) _____. Orang kampung juga membencinya dan menggelarnya sebagai (7) _____
 kerana suka mengganggu ketenteraman awam.

Pada suatu hari, perbuatan jahat Rizuan dan rakan-rakannya berjaya dihidu oleh pihak polis, bak pepatah
 (8) _____. Dia menyesal akan kesalahannya tetapi (9) _____. Dia telah
 dipenjarakan selama lima tahun. Sepanjang di sana hidupnya tidak bebas, dia menganggap dirinya
 (10) _____.

B Tulis peribahasa yang paling sesuai berdasarkan ayat yang diberikan.

1. Setelah dia mampu membeli sebuah kereta, motosikal lama itu tidak digunakannya lagi. Keadaan ini samalah seperti _____.
2. Puan Azlina tidak bersetuju apabila anaknya, Anim Suraya ingin menjadi anggota polis kerana dia berpendapat bahawa kerjaya sebagai polis terlalu mencabar bagi seorang wanita. Anim Suraya pula berpendapat bahawa semua pekerjaan ada cabarannya, bak pepatah _____.
3. Pak Cik Jalil menurut segala kata isteri mudanya secara membuta tuli. Sikapnya itu tidak disenangi oleh anak-anaknya. Pak Cik Jalil seperti _____.
4. Tindakan beberapa orang penyokong pasukan lawan melebihi-lebihkan cerita tentang kehebatan para pemain mereka adalah untuk melemahkan semangat pasukan kami. Hal ini diibaratkan _____.
5. Kemajuan negara dalam pelbagai bidang pada masa ini disebabkan wujudnya semangat kerjasama dan perpaduan antara kaum. Situasi ini sukar dinikmati sekiranya rakyat Malaysia bersikap _____.